

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' SRI DR. HAJI IRMOHIZAM BIN
HAJI IBRAHIM [KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 08.11.2016

SOALAN :

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana program j-QAF berjaya meningkatkan penghayatan murid-murid sekolah rendah dalam Pendidikan Islam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Program j-QAF dilaksanakan mulai tahun 2005 melibatkan semua murid Islam sekolah rendah di Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, SK Pendidikan Khas, Sekolah Orang Asli dan Sekolah Agama (Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Rendah). Tujuan program ini adalah untuk membolehkan semua murid sekolah rendah khatam al-Quran, berupaya menulis dan membaca Jawi, mampu bertutur bahasa Arab yang mudah dan boleh menguasai amalan fardu ain terutama dalam aspek wuduk dan solat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2016 sebanyak 7,115 sekolah dan seramai 1,810,497 murid telah terlibat dalam

pelaksanaan Program j-QAF. Secara keseluruhannya, program ini telah memberi impak besar kepada murid dari segi pencapaian yang semakin meningkat dalam aspek Al-Quran, Jawi, Bahasa Arab dan Amalan Fardu Ain.

RJM39